



## **RUU Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 diluluskan**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman - Mac 29, 2023 @ 5:11pm  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 bagi menambah baik dan memberi perlindungan terhadap saksi kanak-kanak dengan menaikkan umur daripada 16 tahun kepada 18 tahun.

RUU itu diluluskan majoriti ahli parlimen yang bersetuju selepas dibahas oleh blok kerajaan dan pembangkang ketika bacaan kali kedua oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Terdahulu, dalam bacaan kali kedua itu, Azalina berkata, pindaan berkenaan bertujuan untuk meminda Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 (Akta 676) serta turut memasukkan peruntukan bahawa pendengaran khas bagi saksi kanak-kanak memberikan keterangan serta mlarang soalan tidak wajar kepada saksi kanak-kanak.

Beliau berkata, Akta 676 tidak pernah dipinda selama 16 tahun sejak ia dikuatkuasakan, berikutan itu terdapat banyak pendekatan serta kaedah baharu yang diperkenalkan dan dilaksanakan di negara lain untuk dicontohi.

"Justeru, kerajaan berpandangan sudah tiba masa Malaysia mempelajari dan mempraktikkan amalan terbaik yang dipraktikkan di seluruh dunia dalam perkara ini bagi mempertingkatkan undang-undang kita supaya selaras dan setara dengan piawaian antarabangsa," katanya ketika sesi bacaan kali kedua RUU Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 di Dewan Rakyat, hari ini.

Mengulas lanjut mengenai pindaan untuk pendengaran khas, Azalina berkata, ketika sesuatu kes itu sudah mendapat perhatian pihak berkuasa, kanak-kanak itu akan dipanggil untuk memberi keterangan kepada pihak polis dan selepas laporan dibuat pihak berkuasa akan memutuskan untuk mendakwa tertuduh di mahkamah.

"Susulan itu, kanak-kanak ini mungkin terpaksa menunggu tempoh perbicaraan yang agak panjang disebabkan penangguhan yang berlaku dan akhirnya apabila dipanggil untuk memberikan keterangan di mahkamah berkemungkinan ingatannya sudah kabur.

"Malah cara atau kaedah soal jawab oleh peguam bela yang menakutkan berkemungkinan menyebabkan tertuduh tidak berjaya disabitkan atas kesalahan dan perkara ini akan menjadi sia-sia. Suasana di mahkamah sering menakutkan orang dewasa, apatah lagi kepada kanak-kanak," katanya.

Oleh itu, Azalina berkata, perlu adanya sesi pendengaran khas bagi membolehkan keterangan saksi kanak-kanak direkod sepenuhnya lebih awal sebelum ingatan mereka pudar.

Mengenai keperluan untuk mlarang mengemukakan soalan tidak wajar kepada saksi kanak-kanak, Azalina berkata, sesi pemeriksaan balas yang berlaku antara peguam bela dan saksi kanak-kanak di mahkamah sering dilihat sebagai satu perkara tidak adil kepada mangsa kanak-kanak kerana kurangnya sensitiviti terhadap mereka.

Katanya, peguam bela juga sengaja menggunakan struktur ayat yang mengelirukan, bertanya soalan dalam bahasa yang di luar kemampuan perkembangan saksi kanak-kanak, bertanya soalan secara berulang atau berfokus pada butiran kecil sehingga mengelirukan saksi untuk bersetuju dengan soalan utama atau menggunakan taktik mengganggu, memperdaya, menakutkan dan menghina.

"Taktik ini boleh meningkatkan potensi kesilapan ketika saksi kanak-kanak memberikan keterangan dan menyebabkan mereka mengalami tekanan yang tidak wajar.

"Bagi memastikan layanan yang adil diberikan kepada seseorang saksi kanak-kanak, pindaan ini memperuntukkan bahawa mahkamah hendaklah melaksanakan kawalan terhadap soalan yang tidak wajar kepada saksi kanak-kanak ketika sesi pemeriksaan balas," katanya.